



Info ICT

MAKLUMAT DI HUJUNG JARI

Sistem Maklumat Pengurusan Kenderaan

Tahukah semua tempahan kenderaan KDN boleh dibuat secara online?

Permohonan tempahan kenderaan KDN secara online boleh dimohon oleh semua bahagian kepada Pentadbir Kenderaan KDN, Bahagian KP. Sistem ini yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Pengurusan Kenderaan boleh dicapai melalui pautan <http://kp.moha.gov.my/smpk/login/cfm>. Sistem ini dibangunkan sendiri oleh Bahagian IT dan telah digunakan sejak Julai 2010.

Permohonan tempahan kenderaan online ini dapat dibuat dengan mudah dan cepat. Keputusan permohonan boleh disemak melalui sistem dan satu slip tempahan boleh dicetak bagi memudahkan pemohon menyemak nama pemandu dan kenderaan yang akan dinaiki.



iRELA

BORANG PERMOHONAN ONLINE ANGGOTA RELA

MAKLUMAT PERIBADI	
NAMA	<input type="text"/>
NO KP BARU	<input type="text"/> (900101-01-1111)
NO KP LAMA	<input type="text"/>
ALAMAT	<input type="text"/>
POSKOD	<input type="text"/>
DAERAH	NEGERI <input type="text"/>
UMUR	SILA PILIH NEGERI!!!! <input type="text"/>
TEMPAT LAHIR	<input type="text"/>
NO TEL (R)	<input type="text"/> (032345678)
JANTINA	TARIKH LAHIR <input type="text"/> (01/01/2000)
AGAMA	NO TEL (HP) <input type="text"/> (0123456789)
TINGGI	BANGSA <input type="text"/>
	TARAF PERKAHWINAN <input type="text"/>
	BERAT BADAN <input type="text"/> KG
PENGALAMAN	
PENGALAMAN/ KERAKARAN (1)	<input type="text"/>
PENGALAMAN/ KERAKARAN (2)	<input type="text"/>
PENGALAMAN DALAM PASUKAN KESELAMATAN	TIADA <input type="text"/>
SENJATA	
JENIS LESEN SENJATA	TIADA <input type="text"/>
AFI	PEMILIKAN <input type="text"/>
NO LESEN	LESEN SAH SEHINGGA <input type="text"/> (01/01/2000)
LAIN-LAIN	
GELARAN	DATIN <input type="text"/>
SINGKATAN	PENGAT/BINTANG/DARJAH KESESUAIAN <input type="text"/>
	NEGERI <input type="text"/> PUTRAJAYA

Orang ramai boleh memohon menganggotai pasukan RELA secara online di laman sesawang http://irela.moha.gov.my/online_permohonan.jsp.

Semua permohonan akan disahkan oleh pejabat RELA daerah masing-masing.

Setiap permohonan dikehendaki menyertakan satu salinan kad pengenalan dan gambar berukuran pasport bagi penyediaan kad keahlian RELA.

Semakan permohonan adalah di http://irela.moha.gov.my/online_semak_statusajax.jsp

Aktiviti Pelupusan

Bahagian IT mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian PL kerana telah membantu dalam perolehan peralatan ICT terutama Komputer dan pencetak pada akhir tahun 2010. Semua peralatan ICT telah diedarkan kepada semua Bahagian yang terlibat seperti Bahagian PQ dan Bahagian Penapisan Filem. Aktiviti Pemasangan tersebut telah dijalankan mulai pada 15 Disember 2010

Hasil pemasangan peralatan server yang disumbangkan oleh Kementerian Kewangan dan penggantian komputer yang diperolehi, maka terdapat peralatan ICT seperti server, komputer, pencetak yang telah usang di Bahagian IT.

Pada 4 Mac 2011 dan 7 Mac 2011 Bahagian IT telah mengadakan gotong-royong bagi pengambilan maklumat peralatan bagi tujuan pelupusan. Semua peralatan ini telah dihantar oleh pegawai Bahagian IT ke Pusat Simpanan di Kajang sementara menunggu keputusan pelupusan. Ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat.



MEJA BANTUAN ICT

03-88863350

<http://aduan.moha.gov.my>

Pelaksanaan ICT Skills Assessment And Certification (ISAC) Untuk Warga KDN



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA



ICT SKILLS ASSESSMENT AND CERTIFICATION

ISAC merupakan satu kaedah bagi menentukan kesediaan personel sektor awam untuk bekerja dalam persekitaran Kerajaan Elektronik. Objektifnya adalah untuk menilai pengetahuan asas ICT dan kemahiran asas ICT dalam konteks komunikasi dan produktiviti.

Lapan (8) sesi ISAC telah dipersetujui oleh pihak INTAN dan akan diadakan pada tahun 2011 di INTAN Bukit Kiara. Sesi pertama dan kedua akan diadakan pada 23 Mac 2011 dan 24 Mac 2011.

Mesyuarat Pelaksanaan ISAC telah diadakan pada 13 Januari 2011 dan dihadiri oleh Pegawai Perhubungan Latihan Bahagian. Bahagian-bahagian yang akan terlibat pada tahun ini adalah Bahagian AK, AD, HP, PP, PK, NKRA, AB, PS dan PL melibatkan 280 warga KDN.

Maklumat terperinci mengenai ISAC boleh diperoleh di Laman Web INTAN, <http://www.intannbk.intan.my/>.

Kursus ICT Untuk Warga KDN

27 sesi kursus ICT telah dirancang dan akan diadakan pada tahun 2011. Kursus ICT yang akan diadakan pada April 2011 adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Kursus ICT	Lokasi
1.	18 – 19 April 2011	E-mel Zimbra	Kampus Kesihatan, USM Kubang Kerian Kelantan
2.	20 – 21 April 2011	Asas-asas Pengendalian Komputer	
3.	25 – 27 April 2011	Open Office	
4.	18 – 19 April 2011	Microsoft Powerpoint 2007 (Basic)	Bilik Latihan ICT, Aras 5 Blok D2
5.	25 – 26 April 2011	Microsoft Publisher	

Memo pencalonan akan dihantar kepada Setiausaha Bahagian pada 22 Mac 2011. Warga KDN yang berminat hendaklah mengisi Borang Pengesahan Kehadiran dan kembalikan kepada urus setia sebelum tarikh tutup.